



Anwar bersama Ishiba disambut murid Sekolah Kebangsaan Presint 11 (1) di Kompleks Seri Perdana, semalam.

(Foto BERNAMA)

# KL, Tokyo perkasa kerjasama pendidikan

## Anwar bincang pelbagai inisiatif sempena lawatan Ishiba ke Malaysia

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim  
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Malaysia dan Jepun senada memperkasa kerjasama bidang pendidikan dalam mempertingkatkan hubungan dan perkongsian strategik dengan lebih menyeluruh.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata pelbagai inisiatif dibincangkan bersama rakan sejawatnya, Shigeru Ishiba dalam sektor berkenaan, termasuk penubuhan kampus ca-

wangan University Tsukuba di Malaysia.

Ishiba tiba di Malaysia kelmarin untuk lawatan rasmi dua hari, yang juga lawatan sulung beliau ke negara ini sejak memegang jawatan pada Oktober lalu.

### Perkongsian program

Anwar memaklumkan, kerjasama lain, termasuk perkongsian di antara Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) dan Waseda University serta Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan Japan International Institute of Technology (JIIT).

“Keio University, sebuah universiti yang penting, universiti beliau (Ishiba belajar) dan saya pernah mempunyai hubungan baik dengannya.

“Jadi, saya mohon kepada beliau untuk memastikan Keio Uni-

versity turut serta dalam beberapa program kita.

“Ia termasuk dialog peradaban kerana terdapat minat untuk berinteraksi di antara Islam dan Taoisme,” kata Perdana Menteri pada sidang media bersama Ishiba selepas mesyuarat dua hala membincangkan dua hala membincangkan kemajuan hubungan di antara kedua-dua negara.

Anwar merakamkan penghargaan kepada Ishiba dan delegasi kerana memilih Malaysia sebagai negara pertama dilawati, menunjukkan Jepun memandang serius negara ini dan kerjasama dalam pelbagai isu untuk meningkatkan hubungan dua hala kepada perkongsian strategik yang komprehensif.

“Ini membabitkan isu perdagangan dan pelaburan, yang menjadi keutamaan,” katanya.